

Terap prinsip MADANI tangani konflik di Pattani

Kali terakhir Thailand berunding dengan Barisan Revolusi Nasional (BRN), kumpulan pemisah selatan negara itu khasnya di wilayah Pattani adalah pada April 2022 selepas ia tertangung pada 2020 akibat pandemik COVID-19.

Rundingan damai rasmi antara kerajaan Thailand dan BRN itu dibantu Malaysia, yang komited untuk menyelesaikan konflik di sempadan negara dan berkongsi sempadan di selatan negara Gajah Putih itu.

Lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Bangkok berakhir kelmarin turut membincangkan kesediaan Malaysia menjadi orang tengah antara Thailand dan kumpulan pemisah.

Isyarat positif ditunjukkan rakan sejawatnya Perdana Menteri, Prayuth Chan o-cha, Belalang lihat sebagai langkah meyakinkan dalam usaha menamatkan konflik tidak berkesudahan di selatan Thailand yang hingga kini dilaporkan sudah meragut lebih 7,000 nyawa.

Belalang lihat, usaha menamatkan konflik di selatan Thailand ini bukan 'Mission Impossible' atau misi mustahil, sebaliknya menjadi satu inisiatif merentas segala kepentingan, isu keselamatan, politik dan agama menuntut komitmen padu semua pemegang taruh.

Umum mengetahui takdir sejarah menimpa penduduk Pattani yang majoritinya beragama Islam dan berketurunan Melayu. Belalang tidak mahu konflik di selatan Thailand selamanya menjadi 'selumbar' kepada Malaysia.

Apa yang amat diharapkan, rundingan damai antara kerajaan Thailand dengan puak pemisah di wilayah itu dapat diteruskan dan berakhir dengan 'kemenangan kepada semua pihak' tanpa membabitkan elemen kekerasan atau keganasan.

Belalang percaya, Malaysia menerusi 'kebitaraan' gagasan Masyarakat Madani dicetuskan Perdana Menteri bukan sahaja boleh menjadi pemudah cara kepada proses rundingan itu, bahkan menawarkan 'jawapan' bagi menyelesaikan permasalahan berdekad itu.

Sebagai pemimpin diketahui memiliki pengaruh dan aura tersendiri pada peringkat antarabangsa, Anwar wajar memanfaatkan untuk menamatkan konflik di wilayah itu ber-sandarkan kepada prinsip MADANI berpaksikan seni diplomasi.